

Bantahan Pro M UPM ditolak

Serdang: Jawatankuasa Rayuan Bantahan menolak bantahan Kumpulan Pro Mahasiswa (Pro M) Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap kemengangan seorang calon Mahasiswa Putra (MP) yang didakwa melanggar undang-undang berkempen pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), kelmarin.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata bantahan itu ditolak Jawatankuasa Rayuan Bantahan kerana calon berkenaan mendapat kebenaran pengurusan untuk melaksanakan kempen dalam fakulti.

Bagaimanapun, katanya, rayuan bantahan terhadap keputusan itu masih boleh di-

lakukan hari ini sebelum keputusan rasmi diumumkan pada Isnin depan.

Salah faham

“Ia hanya salah faham kerana calon itu sebenarnya sudah mendapat kebenaran pengurusan untuk memaparkan poster kempen pada skrin komputer di fakulti,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Kumpulan MP mengekalkan penguasaan dalam pemilihan MPP 2014/2015 kelmarin, dengan memenangi tujuh kerusi umum dan 23 kerusi fakulti.

Kumpulan Pro M pula memenangi empat kerusi umum dan 11 kerusi fakulti.

Mohammad Shatar, berkata proses pemilihan MPP kali ini berlangsung aman tanpa di-

cemari sebarang insiden tidak diingini sejak proses penamaan hingga pemilihan.

“Pelajar berjaya mengekalkan senario berhemah dalam proses penamaan, kempen dan pemilihan tanpa ada insiden keganasan serta fitnah serius disebarluaskan menerusi laman sosial.

Kempen motivasi berkesan

“Nampaknya, kempen motivasi secara senyap dilaksanakan selama ini iaitu dengan memaparkan amalan nilai murni di sekitar kampus mula menunjukkan keberkesanannya,” katanya.

Bagaimanapun, Mohammad Shatar kecewa dengan peratusan pelajar mengundi yang menurun kepada 77 peratus berbanding 86 peratus

dalam pemilihan sebelum ini.

Antara faktor utama penerunan itu adalah kurang penyertaan daripada pelajar yang menetap di luar kampus terutama penuntut pasca siswazah.

“Pelajar yang menetap dalam kampus memberi kerjasama yang baik dengan mengundi sejak awal pagi hingga ada kolej kediaman mencatat peratusan mengundi 97 peratus.

“Namun, hanya 100 pelajar pasca siswazah yang menunaikan tanggungjawab mengundi sedangkan jumlah yang layak adalah 8,010,” katanya.

Seramai 24,496 pelajar UPM layak mengundi tahun ini dan sesi pembuangan undi dijalankan bermula jam 9 pagi hingga 4 petang kelmarin di enam lokasi iaitu lima pusat pengundian di Serdang, manakala satu lagi di Kampus Bintulu, Sarawak.